

02/01/1997

Kemahiran IT menganjak paradigma

DALAM perutusan tahun barunya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat menyesuaikan corak hidup selaras era teknologi maklumat (IT). Jika hendak mengkaji kandungan mesej Dr Mahathir itu secara ringkasnya, bolehlah dikatakan beliau mahu kita mengubah cara berfikir dan bertindak mengikut aras kemajuan semasa yang dipandu menerusi maklumat yang relevan dengan keadaan hari ini dan akan datang. Hari ini manusia membuat keputusan lebih pantas daripada biasa kerana setiap maklumat yang diperlukan begitu mudah diperolehi. Menerusi jaringan komputer yang berada di dalam bilik tidur, kita boleh mendapat setiap maklumat yang diperlukan. Dengan adanya maklumat, kita boleh membuat rumusan dan seterusnya membuat keputusan. Sebelum ini, untuk mendapatkan sesuatu maklumat, kita memerlukan masa yang agak panjang kerana ketika itu semua maklumat yang terletak bertaburan di seluruh dunia, tidak disusun dalam satu rangkaian maklumat yang lengkap dan mudah diperolehi. Hari ini Internet menyelesaikan masalah itu. Kita boleh mencari maklumat yang kita perlukan dalam masa yang begitu singkat tanpa perlu keluar dari bilik kita.

Kesannya, jika kita masih teragak-agak menggunakan saluran maklumat itu, kita akan ketinggalan. Ketika orang lain begitu pantas membuat keputusan, kita masih dengan cara lama untuk menentukan arah mana yang harus kita tuju. Kita berpendapat, mesej tahun baru Dr Mahathir itu perlu dipandang berat oleh setiap individu sama ada pelajar, pentadbir, pengurus, pengusaha atau pemimpin kerana merekalah yang akan bersaing dalam dunia penyaluran maklumat yang tidak bersempadan ini. Kita menganggap tidak seorang pun boleh dikecualikan daripada proses mendapat maklumat itu walaupun mereka seorang petani atau nelayan. Petani memerlukan maklumat mengenai cara meningkatkan mutu hasil dan pemasaran. Jika mahir mencari, mengumpul dan paling penting memanfaatkan maklumat, mereka boleh memperbaiki kehidupan. Nelayan juga memerlukan maklumat yang boleh membantu meningkatkan hasil tangkapan, mengetahui keadaan laut, keadaan angin dan sebagainya selain pelbagai maklumat teknikal mengenai industri penangkapan ikan. Kita tidak perlu menunggu pegawai jabatan pertanian atau perikanan memberi ceramah kerana semua maklumat itu boleh diperolehi jika menggunakan kemudahan IT.

Sebagaimana kata Dr Mahathir, marilah kita tumpukan kepada penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih untuk melancarkan negara kita ke era Teknologi Maklumat. Soalnya, adakah rakyat sudah bersedia?

Kerajaan sudah pun meletakkan asas untuk membolehkan rakyat mahir dalam teknologi baru ini. Penyediaan Koridor Raya Multimedia adalah satu infrastruktur komunikasi bagi melicinkan lagi pengurusan penyaluran maklumat dengan segala urusan boleh dibuat menerusi multi media iaitu suara, gambar, data dan sebagainya. Jika kita tidak mengikuti perkembangannya, tidak mustahil, di negara ini kita akan ada dua golongan iaitu celik dan buta IT. Kita akan sampai ke satu peringkat salah satu syarat untuk mendapat kerja ialah kemahiran menggunakan komputer sebagaimana kita menganggap mesin taip begitu penting suatu masa dulu untuk urusan surat menyurat.

Kita menganggap Dr Mahathir mahu menggalakkan rakyat menyesuaikan cara hidup mereka mulai sekarang kerana tidak mahu kita menghadapi kejutan yang sia-sia. Lebih cepat kita menyesuaikan diri, lebih mudah kita mengekori setiap perkembangan dunia hari ini. Adalah lebih baik kita memulakannya sekarang daripada kita terpaksa bermula dengan merangkak sedangkan orang

lain sudah berada jauh di hadapan. Namun, kita yakin perubahan yang dimaksudkan, tidak bermakna kita meninggalkan cara hidup kita sebagai satu bangsa yang mempunyai nilai dan adat yang tinggi. Nilai dan adat tetap kekal, tetapi cara pemikiran, persepsi dan cara membuat keputusan berbeza kerana kita berurusan dengan pelbagai bentuk maklumat.

Di Malaysia, kita sering bercakap mengenai anjakan paradigma yang mungkin ramai yang tidak jelas maksudnya. Apa yang cuba dinyatakan oleh Dr Mahathir itu tidak banyak bezanya dengan anjakan ini. IT adalah salah satu alat yang boleh menimbulkan anjakan. Ini kerana asas anjakan ialah kemunculan sesuatu alat itu mengubah cara hidup kita. Contohnya, selepas beratus tahun manusia menggunakan kertas untuk menulis dan berutus surat, hari ini kita hanya melakukan perkara yang sama menerusi surat elektronik atau E-mail. Bezanya, jika dulu surat tiba mengambil masa beberapa hari, kini jawapan kepada surat itu pun boleh diperolehi hanya beberapa minit saja. Untuk urusan perniagaan, cara ini pastinya lebih cepat. Ini hanyalah satu contoh kecil perubahan cara kita menjalankan urusan harian.

(END)